Orang ramai tidak sedar faedah buku

Keluaran khas

BUKU & Majalah

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

MEMBACA pada hakikatnya, memerlukan penelitian dan pemahaman setiap ayat yang kita baca. Bukan sekadar berlalu dengan ekoran mata, tetapi perlu difikir dan difahamkan.

Sebab itu kita tidak perlu berasa hairan seandainya seseorang yang sedang tekun membaca selalunya tidak peduli dengan keadaan sekeliling. Sehingga pada tahap yang maksima, mereka tidak tahu apa yang terjadi pada orang sebelahnya.

Pun demikian, pembacaan tidak semestinya memerlukan tempat-tempat khas seperti di perpustakaan, bilik bacaan atau ruang sunyi yang terhindar dari suasana bising dan sibuk. Membaca masih boleh dilakukan sama ada ketika sedang menanti rakan atau kenderaan, sedang makan bersendirian atau di dalam bas.

Dan setiap kali kita berbincang mengenai pembacaan di kalangan masyarakat Malaysia, maka kita seringkali mengaitkannya dengan masyarakat asing, sama ada di negara Barat mahupun Timur.

Kita akan selalu mengatakan rakyat asing gemar serta rajin membaca jika dibandingkan dengan masyarakat kita sendiri, lebih-lebih lagi masyarakat Melayu. Kita seolah-olah seperti tidak berpuas hati dengan keadaan masyarakat sendiri yang malas membaca dan merebut peluang membaca dari beratus buku yang dipasarkan.

Sungguhpun kerajaan telah membelanjakan berjuta ringgit mengadakan kempen membaca, namun kesan yang diterima masih di bawah paras memuaskan.

Hampir $100,000 diperuntukkan oleh kerajaan kepada Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan sebagai langkah awal ke arah menggalakkan minat membaca di kalangan rakyat.

Presidennya, Datuk Haji Hassan Ahmad ketika merasmikan ruang niaga dan bilik pameran buku Berita Distributors berkata, Malaysia menghadapi dua masalah utama dalam usaha memperbanyakkan bahan bacaan iaitu:

- Masyarakat pembaca — masyarakat yang sedar, akan kepentingan bahan bacaan sebagai tabiat tetapi belum dapat dibentuk dan diasuh ke arah itu.
- Dunia buku belum dapat didedahkan seluas-luasnya kepada masyarakat dengan berkesan.

Beliau seterusnya mendedahkan bahawa pengedaran buku-buku umum masih di tingkat minima kerana penerbit dan kedai buku memberi tumpuan kepada buku-buku teks sekolah.

Cetek

Namun, yang jelas kepada kita ialah, sikap masyarakat Malaysia yang memang ternyata malas membaca. Kita boleh hitung berapa ramai orang membaca ketika sedang menunggu atau di dalam bas. Pendek kata, mereka lebih gemar berkhayal dari meluaskan ilmu pengetahuan yang cetek.

Dewan Bahasa dan Pustaka sahaja telah menerbitkan sebanyak 200 buah buku terjemahan. Usaha penterjemahan itu tidak menelan belanja yang sedikit, tetapi berpuluh ribu ringgit.

● LIHAT MUKA 31



● Tanamkan sikap suka membaca kepada anak-anak.



● Pameran buku diadakan bagi menggalakkan minat membaca.



● Kedai-kedai buku di kaki lima menjual atau menyewa beratus judul buku yang berbagai jenis isi kandungannya.